



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

PERMOHONAN BANTUAN DERMASISWA / PINJAMAN PELAJARAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR SESI 2021

(A) DERMASISWA PELAJARAN : UNIVERSITI DI MESIR.

KURSUS : SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG,
USULUDDIN, DAKWAH, PENGAJIAN
DAN BAHASA ARAB, ULUM
ISLAMIAH, BAHASA ARAB

SYARAT DAN KELAYAKAN

- 1) **Bagi pelajar di Universiti Al Azhar, Mesir :**
 - i. Warganegara Malaysia.
 - ii. Anak kelahiran Johor dan menetap di dalam negeri Johor sehingga kini.
 - iii. Menetap di dalam negeri Johor sehingga kini dan sekurang-kurangnya 5 tahun berturut-turut.
 - iv. Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya pangkat **Jayyid. *dikecualikan bagi Ulum Islamiah**
 - v. Lulus dalam peperiksaan kemasukan ke Universiti Al Azhar (Imtihan Qabul) atau telah berada dalam Tahun Satu (kuliah).
 - vi. Pelajar hendaklah berdaftar dengan Pejabat Atase Pendidikan Johor di Mesir (wakil rasmi Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah dan Kerajaan Johor) dan Majlis Tertinggi Pengurusan Anak Johor Mesir (MTPAJM).
 - vii. Universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
 - viii. Tidak mendapat penajaan daripada mana-mana agensi.

- 2) **Keterangan :**
 - i. Bagi pelajar yang menduduki Pusat Bahasa (Markaz Lughah) pada tahun sebelumnya dan telah berjaya memasuki tahun pertama (telah mendapat surat tawaran rasmi daripada Universiti) dikira layak untuk membuat permohonan.
 - ii. Pelajar yang menerima dermasiswa zakat MAINJ dikehendaki menandatangani perjanjian penerimaan dan mematuhi kesemua syarat-syarat yang telah termaktub dalam perjanjian.

KURSUS : TAHFIZ AL QURAN DAN AL QIRAAT

SYARAT DAN KELAYAKAN

1. Warganegara Malaysia.
2. Anak kelahiran Johor dan menetap di dalam negeri Johor sehingga kini.
3. Menetap di dalam negeri Johor sehingga kini dan sekurang-kurangnya 5 tahun berturut-turut.
4. Mempunyai Diploma Tahfiz Al Quran Dan Al Qiraat daripada MARSAH atau Darul Quran JAKIM.
5. Pelajar hendaklah berdaftar dengan Pejabat Atase Pendidikan Johor di Mesir (wakil rasmi Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah dan Kerajaan Johor) dan Majlis Tertinggi Pengurusan Anak Johor Mesir (MTPAJM).
6. Universiti yang di iktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
7. Tidak mendapat penajaan daripada mana-mana agensi.

(B) DERMASISWA PELAJARAN : UNIVERSITI DI JORDAN

**KURSUS : PENGAJIAN ISLAM SYARIAH,
USULUDDIN, TAHFIZ, EKONOMI
ISLAM, BAHASA ARAB**

SYARAT DAN KELAYAKAN

1. Warganegara Malaysia
2. Anak kelahiran Johor dan menetap di dalam negeri Johor sehingga kini.
3. Menetap di dalam negeri Johor sehingga kini dan sekurang-kurangnya 5 tahun berturut-turut.
4. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya **5A** atau lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya pangkat **Jayyid**.
5. Pelajar yang telah berada di tahun ketiga (3) pengajian (*bagi pelajar lepasan MARSAH*) dan tahun keempat (4) pengajian (*bagi pelajar persendirian*).
6. Pelajar hendaklah berdaftar dengan Pejabat Education Malaysia Jordan melalui Badan Kebajikan Pelajar Johor Jordan (BKPJJ)
7. Universiti yang di iktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
8. Tidak mendapat penajaan daripada mana-mana agensi.

KAEDAH PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah di buat menggunakan Borang Bantuan Dermasiswa yang boleh di dapati melalui laman web www.maij.gov.my bermula **20 Oktober 2021 sehingga 20 November 2021**.
2. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan :
 - 2.1 Sekeping gambar berukuran passport.
 - 2.2 Salinan kad pengenalan pelajar.
 - 2.3 Salinan kad pengenalan ibu bapa / penjaga.
 - 2.4 Salinan Slip Gaji atau pengesahan pendapatan ibu bapa / penjaga.
 - 2.5 Surat tawaran pengajian universiti.
 - 2.6 Salinan keputusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)*
 - 2.7 Salinan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
 - 2.8 Salinan keputusan peperiksaan tahun pertama sehingga semasa (terkini)
 - 2.9 Pengesahan tahun pengajian oleh Atase Pendidikan Johor di Mesir atau Pejabat Education Malaysia Jordan.
3. Borang beserta lampiran sokongan yang telah lengkap boleh dihantar ke email **dermasiswa1@gmail.com (bagi Skim Dermasiswa)**.
4. Permohonan hendaklah dihantar ke **email**, manakala **permohonan di Mesir salinan hardcopy hendaklah diserahkan kepada Pegawai Atase sebelum 20 November 2021. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan daripada tarikh temuduga dilaksanakan, hendaklah menganggap permohonan mereka TIDAK BERJAYA.**
5. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi Bahagian Agihan Zakat (Unit Dermasiswa Dan Pinjaman Pelajaran) Majlis Agama Islam Negeri Johor di talian 07-2282935 07- 2282999 07-2282929 07-2282937 ext 308 atau melalui email.